



اَوْبَهُوْ سِيْتِي تَنْكُو لَوِيْنِي مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN
PERUNDINGAN
PENYELIDIKAN BATIK JOHOR

LAPORAN INI DISEDIAKAN
KEPADA

YAYASAN WARISAN JOHOR
PEGAWAI
PN NORAINI BIDIN

DIBIAYAI OLEH
UNIT PERANCANGAN EKONOMI NEGERI JOHOR

DISEDIAKAN OLEH
HASLINDA ABD RAZAK
BAHARIM SAMURI
DR ROSLI ZAKARIA
DR AZAHAR HARUN
AZNI HANIM HAMZAH
ANITH LIYANA AMIN NUDIN

FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA

LAPORAN PENYELIDIKAN BATIK JOHOR

Pengenalan

Laporan ini disediakan khusus bagi memenuhi keperluan perundingan penyelidikan yang dikelolakan oleh Yayasan Warisan Johor dan dibiayai oleh Bahagian Penyelidikan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor. Projek perundingan ini ditawarkan kepada Pasukan Penyelidik dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka. (lampiran surat bertarikh 13 Januari 2016 - diterima pada 14 Disember 2016 adalah dirujuk) dengan memfokuskan kepada persetujuan perundingan yang diberi nama Penyelidikan Batik Johor.

Pada peringkat awal pasukan ini terdiri daripada 4 orang penyelidik iaitu Puan Haslinda binti Abd Razak (UiTM) sebagai Ketua penyelidik, En Baharim bin Samuri (UiTM - Ahli 1), Dr Rosli bin Zakaria (UiTM - Ahli 2) dan Dr. Azahar bin Harun (UiTM - Ahli 3). Sepanjang proses ini berlaku penambahan iaitu 2 pembantu penyelidik iaitu Pn. Azni Hanim Hamzah dan Pn. Anith Liyana Amin Nudin (kedua-duanya dari UiTM Cawangan Melaka) sebagai satu pemantapan kerja-kerja dokumentasi dan proses rekaan agar berjalan dengan lancar sepertimana yang dirancang.

Spesifikasi penyelidikan ini adalah menjurus kepada menghasilkan satu kajian terhadap motif-motif khusus yang diinovasikan sebagai produksi Batik Johor. Pada tahap akhirnya dokumentasi kajian ini akan dipersembahkan ke dalam bentuk deraf buku bagi memudahkan proses penerbitan selanjutnya.

Penyelidikan ini secara rasminya didaftarkan sebagai projek perundingan dengan kos sebanyak RM53,000.00 yang dibiayai oleh Bahagian Penyelidikan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor. Perundingan ini juga didaftarkan secara rasmi di dalam bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri di Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, sebagai sebahagian daripada aspek membentuk usahasama antara Universiti Awam dan juga sektor agensi kerajaan yang lain seperti Yayasan Warisan Johor ini.

Idea asal Batik Johor ini adalah dari inspirasi YAB Menteri Besar Johor sendiri dan ini disampaikan oleh Pegawai khas beliau sebagai usaha untuk menjenamakan produk negeri Johor ke tahap yang lebih teratur dan sempurna. Beliau telah mencadangkan agar pasukan penyelidik ini untuk membentangkan satu kertas cadangan sebagai sahutan hasrat Menteri Besar Johor untuk menjenamakan Batik Johor sebagai projek negeri. Melalui tawaran dan

persetujuan dari kedua belah pihak, projek penyelidikan ini telah dipersetujui untuk dijalankan mengikut beberapa Fasa.

Sehubungan dengan itu beberapa siri perbincangan dalam bentuk menyuarat telah diadakan antara kedua-dua belah pihak. Berikut merupakan perincian yang direkodkan sebagai pertemuan rasmi antara kedua-dua belah pihak:

TARIKH DAN LOKASI	PERKARA	PENYERTAAN
2 Sept 2015 YWJ (Blok Lama)	Pembentangan Satu Kertas Kerja Asas	Pengarah YWJ Hj Shukri Mohd Masbah Pegawai Khas MB Haslinda Abd Razak Baharim Samuri Rosli Zakaria
29 Sept 2015	Penghantaran Kertas Kerja dan Ringkasan Projek Batik Johor (Lampiran)	Pengarah YWJ Hj Shukri Mohd Masbah Pegawai Khas MB Baharim Samuri
7 Jun 2016 YWJ (Blok Lama)	Pembentangan Cadangan Kertas Kerja Penyelidikan Batik Johor Cadangan Projek Batik Johor	Pengarah YWJ Hj Shukri Mohd Masbah Pegawai Khas MB Pasukan YWJ Haslinda Abd Razak Baharim Samuri Rosli Zakaria
21 Ogos 2016 YWJ	Pembentangan Semula Cadangan Kertas Kerja Penyelidikan Batik Johor Cadangan Projek Batik Johor	Pengarah YWJ Hj Shahrin Dato' Hj Rahmat Haslinda Abd Razak Baharim Samuri Rosli Zakaria Azahar Harun
24 Ogos 2016 UiTM Cawangan Melaka	Pemurnian penajaan UPEN	Noor Aini Bidin Hj Johari Hj Muslim Munira Mastar

		Haslinda Abd Razak Baharim Samuri Rosli Zakaria Azahar Harun
12 Feb 2017 YWJ Kompleks Sultan Abu Bakar	Deraf 1 (Dummy Buku) Pembentangan awal Motif, komposisi, Impresi Batik Johor	Pengarah YWJ Hj Shahrin Dato' Hj Rahmat Wakil-wakil Yayasan Warisan Johor Haslinda Abd Razak Baharim Samuri Rosli Zakaria
21 Mac 2017 UiTM Cawangan Melaka	Pembentangan Motif dan Komposisi	Wasfi Mirza Othman Noor Aini Bidin Syed Ahmad Nawawi Syed Rahmad Haslinda Abd Razak Baharim Samuri Rosli Zakaria Azahar Harun Azni Hanim Hamzah Anith Liyana Amin Nudin
7 Mei 2017 Yayasan Warisan Johor		Drs Kamaruddin Abd Razak Wasfi Mirza Othman Noor Aini Bidin Syed Ahmad Nawawi Syed Rahmad Haslinda Abd Razak Baharim Samuri Rosli Zakaria

Dalam proses penyelidikan ini, lawatan penyelidikan ke daerah-daerah seluruh Negeri Johor telah diadakan untuk mendapatkan data-data tampak kajian motif dan juga proses meninjau secara fokus tentang perkembangan batik secara umum. Antara daerah yang dilawati adalah seperti jadual yang dinyatakan:

DAERAH	TARIKH	Ahli Penyelidik
Muar & Tangkak	8 Jan 2017	Haslinda Baharim Azahar
Kluang, Kota Tinggi, Mersing	15 & 16 Jan 2017	Haslinda Baharim Rosli
Segamat	21 Jan 2017	Haslinda Baharim
Johor Bahru & kulai	22 Jan 2017	Haslinda Baharim Rosli
Pontian & Batu Pahat	23 Jan 2017	Haslinda Baharim Azahar

Selain dari lawatan ke lokasi-lokasi menarik dan berpotensi di seluruh daerah Negeri Johor, kumpulan penyelidik juga telah membuat kunjungan dan lawatan ke tiga premis pengusaha batik di Negeri Johor. Antara pengusaha batik yang dilawati adalah seperti senarai di bawah :

BIL	PENGUSAHA/DAERAH/LOKASI
1	BATIK CITAWARNA Blok 5 Felda Bukit Waha, Kota Tinggi
2	ARMAS BATIK Felda Tenggaroh 2, Mersing
3	RANORM BATIK CREATION Kampung Singapura, Sedili Kecil

Usaha lawatan kepada pengusaha batik memberi peluang kepada penyelidik untuk meneliti beberapa aspek iaitu pengeluaran produksi, pemasaran, bekalan bahan mentah dan perkara-perkara yang melibatkan permasalahan dan potensi industri batik di Negeri Johor..